



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAWANG
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2009

SEJARAH
KERTAS 1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat Sebelah

Dapatkan skema Jawapan di Laman
www.banksoalanspm.com

- 1 Apakah kegiatan utama manusia pada Zaman Paleolitik?
- A Memburu binatang
 - B Menanam padi huma
 - C Menjual hasil-hasil hutan
 - D Membuat barangan tembikar
- 2 Setiap negara kota di Mesopotamia merupakan sebuah kerajaan berdaulat yang mempunyai unit politik yang tersendiri.
Negara kota ini hanya bersatu dalam aspek
- A Memajukan perdagangan
 - B Membina sistem pengairan
 - C Menentang musuh dari luar
 - D Mengukuhkan kedudukan raja
- 3 Mengapakah Tamadun Indus mengalami kehancuran pada tahun 1800 S.M.?
- I Bencana alam
 - II Serangan orang Aryan
 - III Pemberontakan rakyat
 - IV Kelemahan pemerintahan Asoka
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

4

Tahun	Perkara
100 Masihi	Perdagangan maritim antara India dengan Alam Melayu telah berkembang dan meningkat.

Andaikan anda adalah merupakan pedagang dari India.
Apakah hasil yang anda perolehi dari Alam Melayu?

- I Emas
 - II Sutera
 - III Rempah
 - IV Bedak wangi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- | | |
|----------------|-----------------|
| • Yoga | - Tamadun India |
| • Yin dan Yang | - Tamadun China |

- 5 . Mengapakah kedua-dua konsep di atas amat berpengaruh dalam kehidupan tamadun masing-masing?
- A Menghubungi roh si mati
 B Meramalkan bencana alam
 C Menentukan nasib seseorang
 D Mengimbangi kesihatan dalam kehidupan
- 6 Apakah sumbangan tamadun Yunani dari segi politik kepada dunia secara umum dan Malaysia khususnya?
- A Prinsip demokrasi
 B Perancangan negara kota
 C Penggubalan perlembagaan
 D Pembentukan jemaah menteri

- | |
|----------|
| • Funan |
| • Angkor |

- 7 Senarai di atas merupakan kerajaan agraria yang terkenal di Asia Tenggara. Apakah faktor yang mendorong kerajaan tersebut berkembang sebagai kerajaan terkenal?
- A Kaya dengan sumber galian
 B Sistem pengairan yang baik
 C Pusat membaiki kapal layar
 D Pelabuhan perdagangan utama
- 8 . Apakah bukti penemuan yang menunjukkan wujud zaman logam di Asia Tenggara?
- A Serunai besi
 B Kercing emas
 C Gong tembaga
 D Gendang gangsa
- 9 . Bayi perempuan yang baru lahir ditanam hidup-hidup. Mengapakah perbuatan di atas dilakukan oleh masyarakat Arab Jahiliah?
- A Kemiskinan hidup
 B Korban kepada tuhan
 C Menjaga maruah keluarga
 D Mengurangkan tanggungan

"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan manusia dengan segumpal darah. Bacalah, Tuhanmu yang teramat mulia yang mengajar dengan pena. Yang mengajar manusia apa yang tidak diketahu".
Surah al-Alaq: ayat 1 - 5

10. Apakah kesimpulan daripada ayat di atas?
- I Pena penting ketika menuntut ilmu
 - II Menuntut ilmu untuk mendapatkan pekerjaan
 - III Membuat kajian dan penyelidikan dituntut dalam Islam
 - IV Amalan membaca penting dan digalakkan dalam Islam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
11. Pada setiap tahun negara kita menyambut "Maal Hijrah". Perayaan tersebut diraikan untuk mengingati
- A kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.
 - B permulaan pemerintahan Khulafa al-Rasyidin
 - C kejayaan pembentukan kerajaan Islam pertama
 - D perjuangan umat Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.

Selepas Hijrah, Nabi Muhammad s.a.w. menukarkan nama Yathrib kepada Madinah al-Munawarah.

12. Apakah tujuan penukaran nama tersebut?
- A Menggalakkan perdagangan
 - B Mengukuhkan kedudukan nabi
 - C Menjadikan Madinah pusat tamadun Islam
 - D Menjadikan Islam agama rasmi di Madinah
13. Apakah tujuan Khalifah Ali meminta Gabenor al-Asyhar mengikat perjanjian dengan golongan Zimmi?
- A Membina sistem pengairan
 - B Mengenakan kutipan jizyah
 - C Memantapkan sistem pentadbiran
 - D Melatih orang tempatan sebagai tentera

- 14 . Apakah kejayaan yang dicapai oleh kerajaan Umayyah dalam bidang pertanian?
- A Penciptaan baja tiruan
 - B Penerokaan kawasan tanah terbiar
 - C Penyelidikan menghasilkan benih yang berkualiti
 - D Penciptaan peralatan moden untuk pembajakan tanah
- 15 . Nazam merupakan kesenian yang terkenal di Terengganu. Syair tersebut dimainkan semasa majlis
- I Berkhatan
 - II Pertabalan
 - III Bertunang
 - IV Perkahwinan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 16 . Jason ialah tuan tanah yang mendapat perlindungan daripada raja. Apakah yang harus dilakukan oleh Jason sebagai tukaran kepada perlindungan yang diberikan oleh raja?
- A Mentaati perintah raja
 - B Membayar cukai kepada raja
 - C Membantu mengawal keselamatan raja
 - D Menyerahkan sebahagian daripada hasil pertanian kepada raja
- 17 . Sebelum tahun 1761, tuan tanah di Britain menghadapi masalah untuk mengusahakan pertanian secara besar-besaran. Apakah halangan yang dihadapi oleh tuan tanah di atas ?
- A Ketiadaan modal
 - B Kekurangan kemahiran
 - C Kesukaran mendapatkan buruh
 - D Kelemahan sistem pemilikan tanah
- 18 Pada zaman Gelap di Eropah golongan petani terpaksa menjadi hamba. Mengapakah terjadi sedemikian?
- A Menderhaka terhadap raja
 - B Tidak mempelajari ilmu keagamaan
 - C Berkelakuan buruk terhadap majikan
 - D Tidak mampu membayar cukai kepada baron

Tarikh	Peristiwa
1453	Istanbul telah jatuh ke tangan kuasa Islam Turki.

- 19 Apakah implikasi peristiwa tersebut terhadap orang Eropah?
- A Mereka terpaksa mencari laluan alternatif ke Timur
 - B Hubungan perdagangan dengan orang Islam terputus
 - C Kuasa Eropah bersatu padu menentang kerajaan Turki
 - D Orang Eropah membeli barang daripada Kerajaan Turki

Ahmad : Dengar khabar, pemerintah British akan menubuhkan bank pertama di Tanah Melayu.

Ah Meng : Kita sangat beruntung kerana dengan adanya bank tersebut dapatlah kita menyimpan wang dengan selamat.

- 20 Berdasarkan dialog di atas, apakah bank yang dimaksudkan?
- A Mercantile Bank
 - B Kwong Yik Bank
 - C The Chartered Bank
 - D Hong Kong and Shanghai Bank
- 21 Apakah faktor yang diambil kira oleh residen dalam menentukan jumlah konsesi tanah untuk diberikan kepada pemodal?
- I Teknologi
 - II Jenis tanaman
 - III Kekuatan fizikal buruh
 - IV Bilangan tenaga manusia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Tahun	1932
Peristiwa	Revolusi Thai yang diketuai oleh Parti Rakyat.

- 22 Apakah kesan peristiwa tersebut?
- A Sistem raja berkuasa mutlak tamat
 - B Thai memperoleh kemerdekaannya
 - C Pengaruh golongan bangsawan merosot
 - D Ekonomi Thai dikuasai penduduk tempatan


- 23 Apakah persamaan corak penentangan yang dilakukan Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman Limbong?
- A Mendapat bantuan daripada Belanda
 - B Disokong oleh seluruh penduduk Tanah Melayu
 - C Mengusir kuasa Siam dari daerah masing-masing
 - D Penentangan dilakukan ke atas kuasa British

Kawasan Kesemakmuran Asia

- 24 Slogan di atas digunakan oleh tentera Jepun semasa menjajah Tanah Melayu. Apakah motif slogan tersebut?
- A Meningkatkan prasarana
 - B Menggalakkan pendidikan
 - C Melaksanakan pembaharuan
 - D Menekankan kebebasan negara
- 25 Bagaimanakah pengaruh kekuasaan seseorang raja kerajaan Melayu tradisional di tentukan?
- A Kesetiaan rakyat
 - B Keagungan istana
 - C Konsep ketuhanan
 - D Kekayaan hasil bumi

- Peperangan dengan Denmark 1864
 - Peperangan dengan Austria 1866

- 26 Senarai di atas menunjukkan peperangan yang melibatkan negara Jerman. Seandainya anda merupakan pemimpin di Jerman ketika itu, apakah tujuan anda berperang?
- A Penyebaran agama
 - B Penyatuan negara
 - C Pengukuhan budaya
 - D Penguasaan ekonomi



- 27 Berdasarkan rajah di atas X dan Y merujuk kepada
- I Parlimen
 - II Kerajaan
 - III Perlembagaan
 - IV Yang di-Pertuan Agong
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

"Rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja."

- 28 Pernyataan di atas merujuk ciri negara dan bangsa zaman Kesultanan Melayu Melaka.
Ciri tersebut mungkin sekali berkaitan dengan
- A rakyat
 - B kerajaan
 - C kedaulatan
 - D wilayah pengaruh
- 29 Pada pendapat anda, bagaimanakah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor menjamin kedaulatan negeri?
- A Melarang penyerahan negeri kepada kuasa lain
 - B Memastikan setiap menteri mengangkat sumpah
 - C Menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan
 - D Melucutkan hak kerakyatan orang asing

<p>Piagam Atlantik 1945</p>

- 30 Berdasarkan pengetahuan anda, apakah gesaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang terkandung dalam piagam tersebut?
- A Menggalakkan dasar imperialisme
 - B Menamatkan amalan monarki
 - C Memansuhkan amalan realpolitik
 - D Melaksanakan dasar dekolonisasi
- 31 Surat Pekeliling Bilangan 9 telah dikeluarkan oleh kerajaan British untuk memberi amaran kepada kakitangan awam di Sarawak dalam tahun 1949. Seandainya anda merupakan kakitangan awam pada masa itu, apakah tindakan anda yang telah menyebabkan pekeliling tersebut dikuatkuasakan?
- A Meletak jawatan
 - B Menyerang pejabat kerajaan
 - C Melancarkan mogok bekerja
 - D Memusnahkan dokumen kerajaan

Tahun	Perkara
1953	UMNO menganjurkan Konvensyen Kebangsaan

- 32 Apakah kejayaan yang dicapai melalui konvensyen tersebut?
- A Penggubalan Perlembagaan Tanah Melayu
 - B Penetapan tarikh kemerdekaan
 - C Perlantikan Jemaah Menteri
 - D Pengasasan Parti Perikatan

<p>Suruhanjaya Reid</p>

- 33 Suruhanjaya tersebut telah dibentuk pada bulan Mac 1956 di Tanah Melayu. Andainya anda dilantik menganggotai suruhanjaya tersebut, apakah tugas anda?
- A Merangka perlembagaan
 - B Melantik pegawai pentadbir baru
 - C Mencadangkan tarikh pilihan raya
 - D Menganjurkan rundingan antara kaum

- 34 . Antara berikut merupakan program yang dilaksanakan dalam pembangunan insitu
- I Melibatkan sektor swasta
 - II Menyediakan perkhidmatan sokongan
 - III Memperbaiki sistem pengurusan teknologi
 - IV Menggalakkan kemasukan pelaburan asing

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

35

Perkara 75 Dalam Perlembagaan

Maklumat di atas berkaitan dengan pembatalan sesuatu rang undang-undang. Apakah yang menyebabkan situasi tersebut?

- A Bercanggah dengan perlembagaan
- B Bertentangan dengan ahli Dewan Negara
- C Tidak mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong
- D Tidak dipersetujui oleh majoriti ahli Dewan Rakyat

- 36 Antara berikut yang manakah merujuk kepada Senarai Persekutuan?
- I. Tanah
 - II. Kesihatan
 - III. Pendidikan
 - IV. Pertanian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 37 Antara yang berikut yang manakah strategi dilaksanakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk bumiputera?


- I Membuka tanah baru
- II Meningkatkan ekuiti
- III Menambah guna tenaga
- IV Memasarkan hasil produk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 38 . Apakah kepentingan mengadakan temasya Sukan Malaysia (SUKMA)?
- A Mencungkil bakat baru
 - B Memupuk perpaduan antara kaum
 - C Mewujudkan suasana persaingan sihat
 - D Memberi peluang kepada belia dalam sukan
- 39 . Malaysia menyertai Komanwel selepas mencapai kemerdekaan
Apakah sumbangan Malaysia dalam pertubuhan di atas?
- A Menyertai pasukan pengaman di Congo
 - B Menyarankan Benua Antartika dijadikan warisan dunia
 - C Menentang dasar Apartheid di Afrika Selatan
 - D Menyokong perjuangan rakyat Palestin
- 40 . Antara berikut, pertubuhan peringkat antarabangsa manakah yang disertai Malaysia?
- I OIC
 - II NAM
 - III NATO
 - IV SEATO
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV


KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh




Pn. Jamani Bt Omar
KP Sejarah

Disemak oleh



Pn. Norlizah Bt Said
GK. Kemanusiaan

Disahkan oleh



Pn. Norzida bt. Ab. Muin
GPK Kurikulum